



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PANDUAN PERMOHONAN MELALUI
SISTEM EPENAWARAN
BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN
BAGI PELAJAR LEPASAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM) DAN SIJIL TINGGI AGAMA
MALAYSIA (STAM)
AMBILAN TAHUN 2026**

Disediakan Oleh:

BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MAC 2026

**PANDUAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM EPENAWARAN
BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN
BAGI PELAJAR LEPASAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
DAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) AMBILAN TAHUN 2026**

1. Permohonan ini dibuka kepada semua pelajar lulusan STPM dan STAM yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk memohon biasiswa bagi pembiayaan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.
2. Permohonan secara dalam talian (online) dibuka melalui pautan <https://epenawaran.moe.gov.my/ting6/semak-kelayakan.cfm> mulai 17 Mac 2026 (Selasa), pukul 10:00 pagi hingga 5 April 2026 (Ahad), pukul 5:00 petang. Permohonan yang diterima selepas tarikh dan masa yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan. Pemohon dimohon untuk merujuk kepada Portal Rasmi KPM bagi sebarang pemakluman terkini.
3. Pemohon adalah diingatkan untuk membaca dan memahami syarat dan panduan permohonan (boleh dimuat turun pada sistem) dengan teliti serta memasukkan maklumat yang tepat dan sahih. Kesilapan mengisi maklumat permohonan secara dalam talian termasuk kesilapan mengisi No. Kad Pengenalan akan mengakibatkan permohonan ditolak.
4. Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan awal dan mencuba untuk membuat capaian permohonan secara dalam talian ini pada waktu yang lain jika percubaan pertama gagal atau tidak berjaya pada ketika itu. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan berlaku kesesakan laluan capaian pada laman web tersebut.
5. Permohonan melalui Sistem ePenawaran adalah rasmi dan sah. Justeru, borang permohonan dan salinan sijil/dokumen TIDAK perlu dihantar secara *hardcopy* kepada Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), KPM untuk sebarang tindakan lain.
6. Permohonan yang tidak mematuhi syarat/tidak lengkap akan ditolak.
7. Pemohon dibenarkan untuk menghantar hanya SATU permohonan sepanjang tempoh tawaran dibuka.
8. Pemohon WAJIB memuat turun dan menyimpan/mencetak Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan sebagai bukti permohonan dan rujukan pada masa akan datang.

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan tatacara dan panduan penggunaan sistem ePenawaran, pemohon boleh menghubungi urus setia seperti yang berikut:

Bil.	Nama Pegawai	No.Telefon	E-mel Perhubungan
1.	Puan Nooraini binti Misrijan	03-8321 7151	stpm.bt@moe.gov.my
2.	Puan Hariyani binti Banon	03-8321 7113	
3.	Puan Sharifah Idayu binti Syed Ahmad Termizi	03-8321 7138	
4.	Encik Muhd Faizzuddin Khairi bin Mohd Jamali	03-83217157	
5.	Cik Nabilah binti Che Din	03-8321 7071	
6.	Puan Nur Izzati binti Marzuki	03-8321 7136	

10. Bagi aduan teknikal sistem ePenawaran, pemohon boleh e-melkan ke support.bt@moe.gov.my beserta tangkap layar masalah yang dihadapi.

PANDUAN PENGGUNA

1. Panduan Khusus

- 1.1 Buka pautan sistem ePenawaran di URL berikut: <https://epenawaran.moe.gov.my/ting6/> menggunakan Google Chrome pada komputer peribadi/komputer riba anda. Penggunaan tablet dan telefon bimbit adalah tidak digalakkan.
- 1.2 Pastikan capaian Internet adalah baik dan stabil.


2. Laman Semak Kelayakan



- 2.1 Pada Laman Utama, klik pada Semak Kelayakan untuk semakan kelayakan.

- 2.2 Sila masukkan no. kad pengenalan dan pilih kelayakan (STPM atau STAM), masukkan tahun peperiksaan dan PNGK/pangkat yang terkini. Kemudian, klik Semak Kelayakan.
- 2.3 Sekiranya pemohon layak, paparan 'Tahniah! Anda layak. Klik OK untuk daftar pengguna' akan dipaparkan.

3. Laman Daftar Akaun



3.1 Sila masukkan kata laluan dan sahkan kata laluan. Format kata laluan adalah seperti berikut:

- Minimum 8 – 12 aksara
- Mengandungi 1 huruf besar (A-Z)
- Mengandungi 1 huruf kecil (a-z)
- Mengandungi 1 simbol(!@#\$\$%&)

3.2 Klik Daftar.

3.3 Sekiranya pendaftaran berjaya, paparan 'Pendaftaran Berjaya. Sila Log Masuk' akan dipaparkan.

4. Laman Log Masuk

Daftar'." data-bbox="138 612 894 807"/>

4.1 Masukkan no. kad pengenalan dan kata laluan yang telah didaftarkan. Kemudian, klik Log Masuk.

5. Laman Permohonan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Laman Utama Panduan Syarat Log Keluar

A Butiran Diri
Maklumat Pemohon

B Akademik
Maklumat Akademik

C Ko-kurikulum
Maklumat Ko-kurikulum

D Ibu Bapa/Penjaga
Maklumat Ibu Bapa/Penjaga

E Pilihan Biasiswa
Maklumat Pilihan Biasiswa

F Dokumen
Muat Naik Dokumen

G Perakuan
Perakuan

Butiran Diri

Sila lengkapkan maklumat pemohon

Maklumat Pemohon

Sila muatnaik gambar berukuran pasport. * (saiz < 1MB)

Choose File No file chosen

Nama*

No. Kad Pengenalan* 031217025118 Tarikh Lahir* 17/12/2003

No. Sijil Lahir Jantina* - SILA PILIH -

5.1 Setelah berjaya log masuk, paparan permohonan akan dipaparkan. Terdapat tujuh (7) tab permohonan yang perlu dilengkapi oleh pemohon iaitu:


- A. Butiran Diri
- B. Akademik
- C. Ko-Kurikulum
- D. Ibu Bapa/Penjaga
- E. Pilihan Biasiswa
- F. Dokumen
- G. Perakuan

5.2 Pemohon WAJIB melengkapi semua medan yang bertanda *.

6. Tab A. Butiran Diri

Butiran Diri

Sila lengkapkan maklumat pemohon

Maklumat Pemohon	
Sila muatnaik gambar berukuran pasport. * (saiz < 1MB)	
	
Choose File No file chosen	
Nama*	
No. Kad Pengenalan*	Tarikh Lahir*
04111111115	11/11/2004
No. Sijil Lahir	Jantina*
	- SILA PILIH -
Agama*	Bangsa*
- SILA PILIH -	- SILA PILIH -
Taraf Perkahwinan*	Warganegara*
BELUM BERKAHWIN	- SILA PILIH -

Maklumat Kesihatan	
Masalah Kesihatan?*	Pilih jenis (jika ada):*
- SILA PILIH -	- SILA PILIH -
Berat (kg)*	Tinggi (cm)*
BMI*	Jenis Darah
	- SILA PILIH -

Alamat Surat Menyurat		
Alamat 1*	Poskod*	
	XXXXX	
Alamat 2*	Negeri*	
	- SILA PILIH -	
Alamat 3	Bandar*	
	- SILA PILIH -	
No. Telefon Bimbit*	No. Telefon Rumah	Alamat Emel*

Alamat Tetap	
☐ Sila tanda jika alamat surat menyurat sama dengan alamat tetap	
Alamat Tetap 1*	Poskod*
	XXXXX
Alamat Tetap 2*	Negeri*
	- SILA PILIH -
Alamat Tetap 3	Bandar*
	- SILA PILIH -


6.1 Klik pada tab A. Butiran Diri dan Laman Butiran Diri akan dipaparkan.

6.2 Sila muat naik gambar berukuran pasport yang terkini mengikut format .jpg, .jpeg atau .png dan tidak melebihi saiz 1MB.

6.3 Sila lengkapkan semua medan/ruangan bertanda * pada Maklumat Pemohon, Maklumat Kesihatan, Alamat Surat-Menyurat dan Alamat Tetap.


6.4 Kemudian, klik SIMPAN.

7. Tab B. Akademik



7.1 Klik pada tab B. Akademik dan Laman Maklumat Akademik akan dipaparkan.

7.2 Sila lengkapkan ruangan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



7.3 Sekiranya pemohon mempunyai kelayakan STPM, paparan Keputusan STPM akan dipaparkan. Sila pilih lima (5) mata pelajaran terbaik (termasuk Pengajian Am) dan masukkan gred pencapaian bagi Semester 1 (Sem 1) dan Semester 2 (Sem 2).

7.4 Kemudian, masukkan PNG Sem 1 dan PNG Sem 2 pada ruangan yang disediakan. PNGK akan dikira secara automatik oleh sistem. Rujuk contoh seperti di bawah:

Senarai Matapelajaran*

✕ Pengajian Am
✕ Bahasa Melayu
✕ Bahasa Tamil
✕ Bahasa Arab
✕ Literature in English
✕

Pengajian Am*	A	A
Bahasa Melayu *	A	A
Literature in English *	B+	B+
Bahasa Tamil *	B+	B+
Bahasa Arab *	B	A-
	3,5	3.6
	3.55	

7.5 Sekiranya pemohon yang mempunyai kelayakan STAM, sila masukkan pangkat yang telah diperoleh semasa ujian percubaan.

☒ Lepasan STAM?

Keputusan Percubaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Tahun STAM*
- TAHUN STAM -

Nama Sekolah/Kolej*

Bidang*
- SILA PILIH -

Gred Keseluruhan*
- SILA PILIH -

Pemilihan Gred Matapelajaran

Matapelajaran	Pangkat
Hilz Al-Quran & Tajwid*	- PANGKAT -
Fiqh*	- PANGKAT -
Tauhid & Mantiq*	- PANGKAT -
Tafsir & Ulumuhu*	- PANGKAT -
Hadith & Mustolah*	- PANGKAT -
Nahu & Sarf*	- PANGKAT -
Insya' & Mutalaah*	- PANGKAT -
Adab dan Nusus*	- PANGKAT -
'Arudh & Qafiyah*	- PANGKAT -
Balaghah*	- PANGKAT -

Keputusan ujian Bahasa Inggeris yang diajarkan dengan CEFR (MUET/IELTS/CEPT/CPE/TOEFL/Aptis) 

Nama Ujian Bahasa Inggeris*
- SILA PILIH -

Tahap Pencapaian Ujian Bahasa*
- GRED -

7.6 Sila masukkan nama ujian Bahasa Inggeris yang telah diambil dan tahap pencapaian ujian tersebut. Pemohon boleh merujuk pada icon  untuk melihat jadual skor kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris.

Jadual 1: Maklumat dan perincian ujian yang telah diijarkan dengan CEFR

English Competency	Types of Examination	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	MUET	B 3.0		B 3.5	B 4.0		B 4.5
IELTS	IELTS/IELTS Online	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL	TOEFL	42 - 71			72 - 94		
PEARSON TEST OF ENGLISH	PTE Academic/PTE Academic (Online)	36	43	47	51	59	63
CAMBRIDGE ENGLISH QUALIFICATIONS AND TESTS	(i) B1 Preliminary, B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency	140	147	154	160	169	176
	(i) Linguaskill Online						
	(iii) Occupational English Test (OET)(Conventional/ Online)	-	-	-	200	250	300
ELS	Certified Intensive English Programme Level (CIEP Level)	106		107	108	109	

7.7 Kemudian, klik Simpan.

8. Tab C. Ko-Kurikulum

A Butiran Diri
Maklumat Pemohon

B Akademik
Maklumat Akademik

C Ko-kurikulum
Maklumat Ko-kurikulum

D Ibu Bapa/Penjaga
Maklumat Ibu Bapa/Penjaga

E Pilihan Biasiswa
Maklumat Pilihan Biasiswa

F Dokumen
Muat Naik Dokumen

G Perakuan
Perakuan Pemohon

Ko-Kurikulum

Sila lengkapkan maklumat ko-kurikulum

Maklumat Ko-Kurikulum

Nama Sukan/Permainan*	Nyatakan*
Peringkat Tertinggi Sukan/Permainan*	Nyatakan*
Nama Persatuan/Kelab*	Nyatakan*
Jawatan Disandang Dalam Persatuan*	Nyatakan*
Nama Pasukan Badan Beruniform*	Nyatakan*
Jawatan Dalam Pasukan Beruniform*	Nyatakan*

8.1 Klik pada tab C. Ko-Kurikulum dan Laman Maklumat Ko-Kurikulum akan dipaparkan.

8.2 Sila isi semua medan. Jika tiada maklumat ko-kurikulum, sila pilih Tiada.

8.3 Kemudian, klik Simpan.

9. Tab D. Ibu Bapa/Penjaga

Maklumat Ibu Bapa/Penjaga Pemohon
Sila lengkapkan maklumat ibu bapa/penjaga

Maklumat Bapa

Warganegara Bapa *
BUKAN WARGANEGARA

Nama Bapa *
No. MyKad/No Passport *

No. Sijil Lahir *
Hubungan *
BAPA

Status *
-SILA PILIH-

Pekerjaan *
- SILA PILIH -

E-mel Bapa
No. Telefon *
cth: 0388841234

Alamat 1 *
Poskod *

- 9.1 Klik pada tab D. Ibu Bapa/Penjaga dan Laman Maklumat Ibu Bapa/Penjaga Pemohon akan dipaparkan.
- 9.2 Sila isi maklumat ibu bapa kandung. Sekiranya ibu atau bapa telah meninggal dunia, sila pilih meninggal dunia pada medan status. Medan-medan berikutnya akan *disable* (tidak perlu diisi).
- 9.3 Pemohon juga wajib mengisi maklumat Penjaga sekiranya salah seorang atau kedua-dua ibu bapa berstatus meninggal dunia.
- 9.4 Kemudian, klik Simpan.

10. Tab E. Pilihan Biasiswa

Pilihan Biasiswa
Sila lengkapkan maklumat

Maklumat Pilihan Biasiswa

Tempat Pengajian*
- SILA PILIH TEMPAT PENGAJIAN -

*Makluman: saudara/saudari boleh ditawarkan biasiswa Dalam Negara sekiranya tawaran Luar Negara gagal. Bergantung kepada terma dan syarat permohonan Dalam Negara.

SIMPAN →

- 10.1 Klik pada tab E. Pilihan Biasiswa dan Maklumat Pilihan Biasiswa akan dipaparkan.
- 10.2 Sila masukkan pilihan tempat pengajian sama ada Dalam atau Luar Negara.
- 10.3 Kemudian, klik Simpan.

11. Tab F. Dokumen

Muat Naik
Sila muatnaik dalam format pdf, jpeg, jpg, atau png dan fail tidak melebihi 3MB.

Muat Naik Dokumen

Kad Pengenalan Pemohon *	Sijil Lahir Pemohon *
Upload	Upload
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) *	Keputusan STPM / STAM *
Upload	Upload
Sijil MUET	Slip Gaji Ibu & Bapa/Penjaga *
Upload	Upload
Kad Pengenalan Bapa/Passport *	Sijil Lahir Bapa
Upload	Upload
Kad Pengenalan Ibu/Passport *	Sijil Lahir Ibu
Upload	Upload

11.1 Klik pada tab F. Dokumen dan Laman Muat Naik Dokumen akan dipaparkan.

11.2 Sila muat naik dokumen dalam format pdf, jpeg, jpg, atau png dan saiz dokumen tidak melebihi 3MB.

11.3 Kemudian, klik Simpan.

12. Tab G. Perakuan

Perakuan
Sila lengkapkan perakuan permohonan

Borang Perakuan

☒ Tidak pernah disabitkan dengan sebarang aktiviti jenayah di dalam atau luar negara

☒ Tidak pernah terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah

* Saya mengaku dan bersetuju bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan tidak benar, permohonan saya akan ditolak atau biasiswa diberhentikan dengan serta-merta dan tindakan diambil ke atas saya selaras dengan syarat-syarat tawaran biasiswa

PERINGATAN

Pemohon perlu mencetak **Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan** sebagai bukti permohonan dan rujukan di masa hadapan.

Sekiranya menghadapi sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi **Cawangan Penawaran:**

No Telefon: 03-8321 7157 / 7113 / 7138 / 7154 / 7071 / 7136
E-mel Teknikal: support.bt@moe.gov.my
E-mel Pertanyaan: stpm.bt@moe.gov.my

12.1 Klik pada tab G. Perakuan dan Laman Perakuan akan dipaparkan.

12.2 Sila baca pernyataan yang dipaparkan dengan teliti. Sekiranya bersetuju sila tick pada kotak perakuan 'Saya mengaku dan bersetuju...'

- 12.3 Kemudian, klik Simpan.
- 12.4 Sekiranya semua medan wajib (*) telah dilengkapkan, butang Hantar akan dipaparkan.
- 12.5 Pemohon dinasihatkan untuk menyemak semua maklumat yang telah dilengkapkan adalah tepat sebelum menghantar permohonan.
- 12.6 Sila tekan butang HANTAR setelah melengkapkan permohonan dan pastikan Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan dicetak sebagai bukti permohonan.

SLIP PENGESAHAN PERMOHONAN
BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN BAGI PELAJAR
LEPASAN TINGKATAN 6 TAHUN 2025

MAKLUMAT PERMOHONAN	
No. Rujukan Permohonan	
Nama Penuh	TEST
No. Kad Pengenalan	1 2
Alamat E-mel	i@gmail.com
Program	BAHASA MELAYU
Universiti Awam	USM
Tarikh dan Masa Permohonan	08 SEPTEMBER 2025 (12:26 AM)

Permohonan saudara/saudari **BERJAYA** diterima oleh sistem.
Sila **CETAK DAN SIMPAN SLIP PERMOHONAN** sebagai rujukan di masa akan datang.

Sila rujuk portal rasmi KPM dan e-mel yang telah direkodkan di dalam sistem dari semasa ke semasa bagi sebarang pemakluman terkini bagi permohonan ini.

**Bahagian Tajaan Pendidikan
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

(Slip ini adalah cetakan komputer. Tiada tandatangan diperlukan)

[Cetak Slip Permohonan](#)

- 12.7 Permohonan yang telah dihantar tidak boleh dikemas kini dan sebarang permohonan untuk pengemaskinian semula TIDAK DIPERTIMBANGKAN.

Disediakan oleh:
**Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Mac 2026**